



4 April 2016  
4 April 2016  
P.U. (A) 86

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (FI DAN CAJ) 2016

### *NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (FEES AND CHARGES) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006**

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN  
(FI DAN CAJ) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2016.

**Fi dan caj**

2. (1) Mana-mana orang yang membuat permohonan bagi pentaulianan program latihan kemahiran dan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pentaulianan program latihan kemahiran itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama hendaklah membayar fi dan caj sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Pertama kepada Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang membuat permohonan bagi pengiktirafan kemahiran dan apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengiktirafan kemahiran itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua hendaklah membayar fi dan caj sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Kedua kepada Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang membuat permohonan bagi pentaulianan program antarabangsa di luar negara dan pengiktirafan kemahiran bagi program antarabangsa di luar negara sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Ketiga hendaklah membayar fi dan caj sebagaimana yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Ketiga kepada Ketua Pengarah.

**Pembatalan**

3. Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2006 [P.U. (A) 409/2006] dibatalkan.

**JADUAL PERTAMA**

[Subperaturan 2(1)]

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Perkara</i>	(3) <i>Fi/Caj (RM)</i>
1.	Permohonan pentauliahan program latihan kemahiran <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) program persijilan mengikut tahap               <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) tiga program yang pertama atau kurang 1500</li> <li>(ii) tiap-tiap program selepas tiga program yang pertama 200 bagi setiap program</li> </ul> </li> <li>(b) program persijilan tahap tunggal               <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kumpulan program yang pertama 1500</li> <li>(ii) tiap-tiap kumpulan program selepas kumpulan program yang pertama 200 bagi setiap kumpulan program</li> </ul> </li> <li>(c) program modular               <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) dua modul yang pertama atau kurang 1500</li> <li>(ii) tiap-tiap modul selepas dua modul yang pertama 200 bagi setiap modul</li> </ul> </li> </ul>	

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Perkara</i>	(3) <i>Fi/Caj (RM)</i>
2.	Permohonan pentauliahan bagi setiap program latihan kemahiran tambahan (a) program persijilan mengikut tahap (b) program persijilan tahap tunggal (c) program modular	200 bagi setiap program 200 bagi setiap kumpulan program 200 bagi setiap modul
3.	Permohonan pembaharuan pentauliahan bagi setiap program latihan kemahiran (a) program persijilan mengikut tahap (b) program persijilan tahap tunggal (c) program modular	200 bagi setiap program 200 bagi setiap kumpulan program 200 bagi setiap modul
4.	Permohonan pindaan maklumat pentauliahan bagi setiap program latihan kemahiran (a) maklumat berkenaan perpindahan premis latihan kemahiran	200 bagi setiap program

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Perkara</i>	(3) <i>Fi/Caj (RM)</i>
	<p>(b) maklumat berkenaan premis latihan kemahiran tambahan</p> <p>(c) maklumat berkenaan kapasiti pelatih tambahan</p>	200 bagi setiap program 200 bagi setiap program
5.	Rayuan bagi apa-apa permohonan yang dibuat di bawah butiran 1, 2, 3 atau 4.	200 bagi setiap program